



GP12: GARIS PANDUAN BERKENAAN DENGAN PENDAFTARAN KOPERASI

BAHAGIAN A : PENGENALAN

TUJUAN

Garis Panduan ini dikeluarkan di bawah seksyen 86B Akta Koperasi 1993 [Akta 502] berkenaan dengan seksyen 4, 5, 6, 7, 8, 37 dan 38 Akta yang perlu atau suai manfaat untuk memberi kuat kuasa sepenuhnya kepada atau untuk menjalankan seksyen-seksyen tersebut.

LATAR BELAKANG

2. Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021-2025 (TransKoM) menggariskan Bidang Tujuan 1 untuk mengiktiraf koperasi sebagai pemangkin kepada pertumbuhan sosio-ekonomi Negara. Oleh itu, strategi untuk memasyarakatkan gerakan koperasi dalam kalangan rakyat Malaysia adalah menjadi keutamaan Kerajaan.

3. Dalam usaha merealisasikan pelaksanaan TransKoM, di bawah Bidang Tujuan 1, peningkatan penubuhan koperasi altruis di kalangan kumpulan sasar iaitu B40¹, OKU² dan masyarakat luar bandar adalah menjadi antara tumpuan dan fokus utama.

¹ golongan yang pendapatan isi rumah bulanan kurang daripada RM4,850 dan berbeza mengikut negeri

² orang kurang upaya

4. Garis Panduan ini diwujudkan bagi memudahkan orang awam untuk mendaftarkan koperasi dalam meningkatkan kecekapan Suruhanjaya bagi memproses dan meluluskan permohonan pendaftaran sesuatu koperasi. Hasrat ini juga selaras dengan peranan Suruhanjaya sebagai badan pengawalseliaan gerakan koperasi untuk memberi galakan kepada masyarakat supaya menjalankan aktiviti perniagaan melalui koperasi dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

PANDUAN PENGGUNAAN NAMA KOPERASI

5. Cadangan nama koperasi hendaklah mematuhi perkara seperti berikut:
- (a) nama koperasi mengandungi perkataan “Koperasi” dan diakhiri dengan perkataan “Berhad”;
 - (b) nama koperasi yang dicadangkan hendaklah selari dengan sasaran keanggotaan yang dicadangkan;
 - (c) nama koperasi yang dicadangkan tidak menyamai atau hampir dengan nama koperasi sedia ada yang telah didaftarkan;
 - (d) tidak dibenarkan menggunakan nama koperasi yang telah dibatalkan pendaftarannya;
 - (e) nama ringkas atau singkatan hendaklah diberi tafsiran dalam Undang-undang Kecil;
 - (f) menggunakan bahasa dan ejaan yang betul;
 - (g) tidak mencerca atau dianggap menghina orang awam;
 - (h) bukan nama-nama yang kurang sopan, menghina atau mengelirukan dari segi identiti dan objek;
 - (i) perkataan yang menyentuh atau melambangkan unsur-unsur keagamaan atau kepercayaan atau melambangkan unsur sesuatu agama tidak dibenarkan;
 - (j) penggunaan nama tokoh terkenal perlu mendapat kebenaran daripada individu berkenaan atau waris;

- (k) tidak mengandungi mana-mana perkataan yang buruk atau yang mungkin menyinggung perasaan masyarakat; dan
- (l) nama yang merujuk kepada agensi, entiti atau organisasi dan nama yang disebut secara khusus dalam mana-mana undang-undang bertulis lain hendaklah mendapat persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkenaan (kementerian, agensi, pertubuhan, syarikat, institusi, sekolah atau organisasi lain yang berkaitan).

6. Nama koperasi boleh menggambarkan identiti koperasi yang tersendiri. Identiti koperasi boleh ditentukan berdasarkan kepada perkara-berikut:

- (a) fungsi yang akan dijalankan iaitu kredit, pertanian, perumahan, perindustrian, pengguna, pembinaan, pengangkutan dan perkhidmatan;
- (b) lokaliti (kawasan atau daerah atau negeri) koperasi itu;
- (c) pekerjaan anggotanya seperti tentera, polis, guru, kakitangan kerajaan, kakitangan bank dan swasta, dan lain-lain;
- (d) pekerja sesuatu organisasi, seperti jabatan;
- (e) penuntut sesuatu institusi; atau
- (f) komuniti seperti kawasan perumahan, kariah masjid, Orang Kelainan Upaya (OKU), keluarga, persatuan dan lain-lain.

7. Koperasi **tidak dibenarkan** menggunakan nama yang dilarang oleh mana-mana undang-undang bertulis dan nama yang mempunyai unsur negatif.

8. Nama koperasi tidak boleh mengandungi nama mana-mana pihak yang mentadbir dan mengawalselia undang-undang berkenaan melainkan setelah memperoleh kebenaran bertulis pihak tersebut.

**BAHAGIAN B : TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL OLEH KOPERASI
YANG DIAJUKAN KEPADA SURUHANJAYA**

TINDAKAN 1 : TINDAKAN PERMOHONAN PENDAFTARAN.

9. Sebelum koperasi boleh didaftarkan, pemohon perlu merujuk **Tatacara Tindakan Permohonan Pendaftaran.**

TINDAKAN 2 : MELAKSANAKAN MESYUARAT AGUNG PERMULAAN

10. Pemohon hendaklah mengadakan mesyuarat agung permulaan selaras dengan seksyen 38 Akta. Mesyuarat agung permulaan ini hendaklah mempunyai segala kuasa yang seumpama sebagaimana dalam mesyuarat agung tahunan di bawah seksyen 39 dan bakal anggota itu hendaklah mempunyai hak yang sama pada mesyuarat agung permulaan itu sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan-peraturan dan undang-undang kecil.

11. Bagi maksud mengadakan mesyuarat agung permulaan ini, pemohon boleh mengeluarkan notis untuk memanggil mesyuarat kepada bakal anggotanya dan Suruhanjaya dalam tempoh dan bentuk yang difikirkan wajar.

TINDAKAN 3 : SEMASA MESYUARAT AGUNG PERMULAAN

12. Mesyuarat Agung Permulaan hendaklah membincangkan agenda yang ditetapkan sebagaimana yang terkandung dalam format minit pada **Lampiran A**. Butiran belanjawan koperasi yang perlu dibincangkan dalam mesyuarat turut disertakan pada lampiran ini.

13. Bagi maksud pendaftaran undang-undang kecil koperasi di bawah subseksyen 7(1) Akta, pemohon hendaklah memastikan butiran seperti pada **Lampiran B** di bincangkan dalam mesyuarat dan bersetuju untuk dimasukkan ke dalam undang-undang kecil yang dicadangkan.

BAHAGIAN C : PENGEMUKAAN PERMOHONAN PENDAFTARAN

14. Pemohon hendaklah mengemukakan borang permohonan pendaftaran koperasi dan dokumen-dokumen yang berkaitan kepada Suruhanjaya mengikut cara yang berikut:

- (a) memuat naik secara atas talian melalui sistem e-Daftar (<https://edaftar.skm.gov.my>); dan/ atau
- (b) menghantar salinan cetak kepada pejabat Suruhanjaya Wilayah atau Negeri.

15. Dokumen yang perlu dimuat naik melalui sistem e-Daftar dan/ atau dikemukakan kepada Suruhanjaya adalah sebagaimana berikut:

- (a) Satu salinan borang permohonan bagi pendaftaran koperasi seperti pada **Lampiran C** yang ditandatangani oleh pihak seperti yang berikut:

Koperasi Asas	Koperasi Menengah	Koperasi Atasan
sekurang-kurangnya lima (5) orang yang layak menjadi anggota.	seorang yang diberi kuasa daripada setiap koperasi asas.	seorang yang diberi kuasa daripada: - setiap koperasi menengah; atau - setiap koperasi asas dan koperasi menengah.

- (b) Satu salinan minit mesyuarat agung permulaan seperti pada **Lampiran A** yang ditandatangani oleh pihak seperti yang berikut:

Koperasi Asas	Koperasi Menengah	Koperasi Atasan
sekurang-kurangnya sepuluh (10) orang yang hadir.	semua orang yang diberi kuasa sewajarnya yang hadir.	semua yang diberi kuasa sewajarnya yang hadir.

Bagi maksud “seorang yang diberi kuasa sewajarnya bagi pihak setiap koperasi menengah atau atasan” yang dinyatakan dalam perenggan 6(1)(b) Akta, surat kuasa yang menggunakan kepala surat koperasi dengan menyatakan wakil yang dibenarkan dan ditandatangani oleh pengerusi, setiausaha dan bendahari koperasi untuk dikemukakan bersama dengan borang permohonan.

- (c) Tiga salinan asal helaian terakhir Undang-Undang Kecil seperti pada **Lampiran D** yang ditandatangan oleh pihak seperti yang berikut:

Koperasi Asas	Koperasi Menengah	Koperasi Atasan
sekurang-kurangnya lima (5) orang bakal anggota yang hadir.	seorang yang diberi kuasa daripada setiap koperasi asas.	seorang yang diberi kuasa daripada: <ul style="list-style-type: none">- setiap koperasi menengah; atau- setiap koperasi asas dan koperasi menengah.

- (d) Borang fi pendaftaran koperasi.

Pemohon hendaklah menjelaskan fi pendaftaran koperasi sebanyak RM100.00 (**Ringgit: Satu Ratus Ringgit Sahaja**) dalam bentuk **wang tunai/wang pos/money order/cek** atas nama “**Kumpulan Wang Operasi SKM**” serta mengikut format borang pada **Lampiran E**.

BAHAGIAN D: PERKARA LAIN BERKAITAN DENGAN PERMOHONAN PENDAFTARAN

16. Bagi maksud “bilangan orang dalam kawasan operasi yang dicadangkan bagi koperasi itu yang layak menjadi anggota” dan “dan jenis aktiviti yang dicadangkan bagi koperasi itu,” di bawah subseksyen 8(1) Akta, tertakluk kepada syarat yang ditentukan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

17. Bagi maksud "melainkan jika Suruhanjaya menentukan selainnya" di bawah seksyen 37 Akta, Suruhanjaya boleh menentukan mesyuarat agung bagi koperasi yang kawasan operasinya meliputi satu negeri, meliputi dua negeri atau lebih atau meliputi seluruh Malaysia dihadiri oleh anggota secara diri sendiri untuk diperuntukkan dalam undang-undang kecil tertakluk kepada kriteria yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

18. Sekiranya pemohon berhasrat untuk mendaftarkan koperasi dengan menjalankan aktiviti kredit, sila kemukakan permohonan bagi mendapatkan kebenaran Suruhanjaya terlebih dahulu sebelum mesyuarat agung permulaan dijalankan.

19. Bagi maksud "liabiliti terhad" di bawah subseksyen 7(2) Akta, liabiliti bagi sesuatu koperasi hendaklah setakat nilai nominal apa-apa syer yang dipegang oleh anggotanya sahaja.

20. Bagi maksud "tarikh keengganan" di bawah subseksyen 7(3) Akta, pemakaian tarikh keengganan adalah bermula dari tarikh makluman kepada pemohon berkenaan koperasi itu tidak didaftarkan melalui surat atau secara elektronik.

BAHAGIAN E : PEMBATALAN, PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

21. GP12 : Garis Panduan Prapendaftaran Koperasi (Pindaan) 2021 bertarikh 24 Jun 2021 adalah dengan ini dibatalkan.

22. Garis panduan ini mula berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' HAJI ZAZALI BIN HARON)

Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Tarikh: 15/9/2022

"Peneraju Kecemerlangan Koperasi"